

Headline	Kaedah lindungi kepentingan golongan rendah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	12
ArticleSize	64 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,354		



Kaedah lindungi kepentingan golongan rendah

Kuala Lumpur: Pengumuman kenaikan kadar purata tarif elektrik yang tidak membebankan golongan berpendapatan rendah dilihat sebagai kaedah untuk melindungi kepentingan dan menjaga kebajikan mereka.

Pengarah Komunikasi Gabungan Persekutuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman bersetuju dengan kadar kenaikan itu demi melindungi kebajikan golongan berpendapatan rendah.

"Kadar kenaikan itu boleh diterima kerana golongan berpendapatan rendah tidak terjejas. Ia tidak memberi kesan kepada mereka yang menggunakan elektrik pada kadar biasa iaitu 300kwj.

"Bagaimanapun, jika tidak mengamalkan penjimatan elektrik dan melebihi penggunaan biasa, ia mungkin memberi kesan kepada mereka," katanya semalam.